

25 JUN 1997

Mahathir-Pelajar

MALAYSIA MUNGKIN HANTAR PELAJAR KE HUNGARY

Oleh: Wan A. Hulaimi

BUDAPEST, 25 Jun (Bernama) -- Pelajar Malaysia, yang kini kumpulan terbesar di pusat-pusat pengajian tinggi luar negara, mungkin akan dihantar melanjutkan pengajian di Hungary, salah sebuah pusat sains dan kejuruteraan terkemuka dunia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sedang bercuti dua bulan, menyatakan demikian ketika menyampaikan ucapan kepada 400 ahli perniagaan Hungary di Bangunan Parlimen di sini Selasa sebelum mengakhiri lawatan dua hari ke negara itu.

Katanya Malaysia boleh mengharapkan kemahiran ahli sains dan jurutera Hungary dalam menyelesaikan kekurangan pekerja berpengetahuan.

" Pelajar Malaysia juga boleh dihantar ke sini untuk melanjutkan pengajian mereka dalam bidang-bidang khusus," katanya.

Hungary, antara lain, boleh berbangga mempunyai 12 pemenang Hadiah Nobel terutama dalam bidang sains dan perubatan.

Ketika memperkenalkan Dr Mahathir pada perhimpunan itu, Menteri Perindustrian, Perdagangan dan Pelancongan Szabolcs Fazaks berkata kepantasan respons Malaysia kepada perjanjian-perjanjian kerjasama antara kedua-dua negara merupakan "satu rekod dunia".

Perdana Menteri Hungary Gyula Horn melawat Malaysia pada April tahun ini, diikuti dengan lawatan Yang di-Pertuan Agong ke sini bulan lepas.

Semasa bercakap kepada wartawan Malaysia yang mengiringi beliau ke sini, kemudian, Dr Mahathir berkata lawatannya itu bersama-sama rombongan ahli perniagaan Malaysia sebagai membalas undangan Horn dan juga kerana beliau ingin melihat kemajuan yang dicapai Hungary sejak lawatan rasminya yang pertama ke sini pada 1987.

Perdana Menteri berkata semasa lawatan pertamanya itu, ketika itu Hungary masih di bawah pemerintahan sosialis, tidak banyak aktiviti perniagaan dijalankan dan hanya terdapat beberapa buah kenderaan di jalan raya.

" Kini Budapest seperti bandaraya lain Eropah. Terdapat banyak kafe tepi jalan dan jalan rayapun sesak dengan kereta. Adalah jelas penduduk di sini kini gembira dan telah mencapai kemajuan," katanya.

Katanya terdapat banyak peluang ekonomi, pelaburan dan perdagangan untuk peniaga Malaysia di Hungary.

Bidang lain yang boleh diceburi Malaysia ialah penswastan, pelancongan dan pengangkutan, termasuk pengangkutan udara.

Sebelum berlepas ke London, Dr Mahathir melawat kilang kenderaan Ikarus dan sebuah kilang pemasangan elektronik di luar Budapest.

Para peniaga Hungary itu turut menyaksikan tayangan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC).

MSC terletak dalam satu kawasan 750 km persegi di selatan Kuala Lumpur yang akan menjadi pusat untuk perkhidmatan dan barangan multimedia dan teknologi maklumat. -- BERNAMA

WAH AHH